



THE PENANG TEACHERS' CO-OPERATIVE SOCIETY LIMITED BULLETIN

APRIL 2023

2023/ 2

FOR MEMBERS ONLY

Tel : 04-261 0129 / 261 0222 Fax : 04-262 5937 Website : www.ptcs.com.my Email Add : ptcs29@gmail.com

MESYUARAT AGUNG KAWASAN 2023 / 2024

Kawasan	SEBERANG PERAI	Kawasan	PULAU
Tarikh	30hb. APRIL 2023 (Ahad)	Tarikh	07hb. MEI 2023 (Ahad)
Masa	8.00 pagi to 12.00 tengah hari,	Masa	8.00 pagi to 12.00 tengah hari,
Tempat	Dewan Serbaguna, Taman Chai Leng, Lebuh Kurau 5, Chai Leng Park, 13700 Perai, Pulau Pinang.	Tempat	Dewan Heah Joo Seang, SMK St. Xavier, Jalan Farquhar, 10200 Georgetown, Pulau Pinang.

PROGRAMME

8.00 A.M	-	10.30 A.M	Registration of attendance & collection of allowance memo
9.30 A.M	-	12.00 P.M	Meeting proper
12.00 Noon			Meeting adjourned

AGENDA MESYUARAT

1. Melantik seorang pengerusi dan seorang setiausaha mesyuarat;
2. Menimbang Laporan Tahunan 2022;
3. Menimbang Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31hb. Disember 2022;
4. Menimbang Anggaran bagi tahun 2024;
5. Memilih perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke - 91;
6. Menimbang usul-usul anggota yang diberi notis secara bertulis sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan 2023 / 2024.

KEMAS KINI ALAMAT TINGGAL ANGGOTA

MINTA PERHATIAN SEMUA ANGGOTA KOPERASI GURU PULAU PINANG BERHAD, SILA KEMAS KINI ALAMAT TINGGAL TERKINI ANDA DI SISTEM KEANGGOTAAN KOPERASI. PENENTUAN TEMPAT HADIR MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KAWASAN SESEORANG ANGGOTA ADALAH BERDASARKAN ALAMAT TINGGAL ANGGOTA BERKENAAN. SILA HUBUNGI PEJABAT DI TALIAN 04-2610222 / 04-2610129 UNTUK URUSAN INI.

NOTES

1. **MEMBERS MUST PRODUCE THEIR MEMBERSHIP CARD OR NRIC UPON REGISTRATION.**
2. Upon registration, each member will be issued an "Allowance Memo".
3. The duly completed "Allowance Memo" is to be exchanged for allowance after the meeting is adjourned.
4. Members are advised to safe guard their "Allowance Memo" as lost "Allowance Memo" will be considered allowance paid.
5. Only registered members are allowed into the meeting hall.
6. Non-member, spouses and children of members are not allowed into the meeting hall.
7. Any member who wishes to be nominated as a delegate must come prepared with a proposer and seconder among the members present at the meeting hall before the start of the election process. No proxy is allowed.
8. **EACH MEMBER IS ALLOWED TO BE A PROPOSER OR SECONDER TO ONE NOMINEE ONLY.**
9. Should the number of nominees be below that of the delegation quota (30 for each "kawasan"), then all nominated shall be elected delegates to represent kawasan Pulau / Seberang Perai to the Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke - 91.
10. Should the number of nominees exceed the delegation quota (30 for each "kawasan"), then votes will be taken. The process will be by the show of hands by all present at the meeting.
11. The 30 members (for each "kawasan") with the highest number of votes shall be elected delegates representing kawasan Pulau / Seberang Perai to the Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke - 91.
12. Details of the Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke - 91 will be made known to the elected delegates via post mail, e-mail, Whatsapp or Telegram.
13. Each member will be given cash RM70 and a RM30 BHP petrol voucher for their attendance at the Mesyuarat Agung Kawasan 2023 / 2024.
14. **ALLOWANCE WILL BE PAID AFTER THE MEETING IS ADJOURNED.**
15. Members need to surrender the duly completed "Allowance Memo" to the Board members on duty in exchange for their allowances.

PETIKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI GURU PULAU PINANG BERHAD

(yang telah diluluskan dan didaftarkan pada 31 Januari 2023)

Mesyuarat Agung Kawasan Mesyuarat Agung Perwakilan

Mesyuarat Agung Kawasan

1. UUK 26(1) – Bagi maksud seksyen 37 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **satu ribu** orang anggota.
2. UUK 26(2) - Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut:
 - (a) Bagi tiap-tiap **lima puluh** orang anggota, **satu** perwakilan; dan
 - (b) Jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi **tiga puluh** orang.
3. UUK 26(3) – Notis bagi mesyuarat agung kawasan hendaklah –
 - (a) menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat
 - (b) diberi kepada anggota yang layak dan tinggal dalam sesuatu kawasan tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu; dan
 - (c) disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah.
4. UUK 26(4) - Hanya anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut Undang-undang Kecil 16 pada **enam bulan** sebelum mesyuarat agung kawasan dan berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.
5. UUK 26(5) - Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota atau sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan kawasan yang berkenaan.
6. UUK 26(6) - Kuorum bagi mengadakan mesyuarat agung kawasan hendaklah **satu pertiga** daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam kawasan yang berkenaan atau **satu ratus orang**, mengikut mana yang kurang. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, bilangan anggota yang hadir belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan.

7. UUK 26(7) – Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti yang diperuntukkan menurut fasal UUK 26(3). Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuorum yang dikehendaki menurut fasal UUK 26(6), maka perwakilan tidaklah boleh dipilih dan hilanglah hak perwakilan kawasan itu.
8. UUK 26(8) – Anggota yang hadir dalam mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih dalam kalangan mereka seorang pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat dan seorang setiausaha untuk merekodkan segala butiran mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan setiausaha mesyuarat itu dan hendaklah dikirimkan kepada Lembaga dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat agung kawasan diadakan.
9. UUK 26(9) – Seseorang anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau bagi pihaknya dalam sesuatu mesyuarat agung kawasan.
10. UUK 26(10) - Seseorang anggota Lembaga hendaklah –
 - (a) dianggap sebagai perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan;
 - (b) menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan walaupun ia mengosongkan jawatan atau tidak dipilih sebagai Lembaga; dan
 - (c) menjadi perwakilan sehingga mesyuarat agung kawasan yang terdekat.
11. UUK 26(11) – Mesyuarat agung kawasan hendaklah diadakan tidak lewat daripada dua bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan hendaklah membentangkan perkara-perkara berikut:
 - (a) akaun teraudit Koperasi, atau draf akaun;
 - (b) belanjawan tahunan yang akan dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
 - (c) cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi, jika ada;
 - (d) pemilihan perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi; dan
 - (e) cadangan daripada Lembaga dan anggota, jika ada.
12. UUK 26(12) – Cadangan di bawah perenggan (e) fasal (11) hendaklah dikemukakan kepada Koperasi selewat-lewatnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung kawasan.

Mesyuarat Agung Perwakilan

1. UUK 25(1) - Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, Perintah, Arahan atau Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak pada mesyuarat agung perwakilan menurut seksyen 36 Akta yang padanya tiap-tiap anggota mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.
2. UUK 25(2) – Mesyuarat agung perwakilan hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.